

 KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA INSTITUT PENYELIDIKAN SISTEM KESIHATAN	LAMPIRAN I GARIS PANDUAN PENYERTAAN PERTANDINGAN PROJEK QA KATEGORI VIDEO SEMINIT
--	--

1. SYARAT-SYARAT UMUM

- 1.1. Pertandingan ini terbuka kepada semua negeri/program/institusi/universiti/sektor kesihatan swasta di Malaysia.
- 1.2. Penyertaan adalah secara berkumpulan tanpa had bilangan ahli kumpulan.
- 1.3. Tiada had bilangan penyertaan. Peserta boleh menghantar lebih daripada satu penyertaan bagi projek yang berbeza.
- 1.4. Kumpulan yang menghantar lebih daripada satu penyertaan hanya layak memenangi satu (1) hadiah sahaja.
- 1.5. Isi kandungan video hendaklah mengenai projek penambahbaikan kualiti yang menggunakan pendekatan *Quality Assurance* (QA) / *Quality Improvement* (QI) yang dilaksanakan di mana-mana peringkat sistem kesihatan di Malaysia, berdasarkan kriteria berikut:
 - a) Projek penambahbaikan kualiti tersebut telah lengkap (selesai dijalankan/dilaksanakan);
 - b) Projek QA/QI baharu, atau yang pernah dibentangkan dalam mana-mana konvensyen konvensyen/seminar/pertandingan/persidangan di peringkat kebangsaan atau antarabangsa; dan
 - c) Projek tersebut belum pernah dipertandingkan dan/atau memenangi (tempat pertama, kedua, ketiga atau sebarang anugerah) dalam Konvensyen QA Kebangsaan yang lepas dalam kategori Video Seminit.
- 1.6. Isi kandungan video tidak boleh mengandungi unsur-unsur yang menyinggung sensitiviti yang melibatkan agama, bangsa dan adat resam mana-mana kaum.
- 1.7. Video yang dihasilkan hendaklah merupakan karya asli peserta. Penggunaan imej atau video janaan *Artificial Intelligence* (AI) adalah tidak dibenarkan, kecuali bagi penggunaan muzik serta suara latar.
- 1.8. Tempoh maksima video adalah satu (1) minit.
- 1.9. Video boleh disediakan dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris. Bahasa etnik atau tempatan boleh digunakan dalam mana-mana klip atau babak, dengan syarat terjemahan dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris disertakan.

- 1.10. Penggunaan muzik dan/media dalam video hendaklah mematuhi peraturan hak cipta dan royalti yang berkuat kuasa. Peserta bertanggungjawab sepenuhnya untuk mendapatkan kebenaran atau lesen yang berkaitan sekiranya menggunakan bahan berhak cipta. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang tuntutan, pelanggaran hak cipta atau isu perundangan yang timbul daripada penggunaan bahan tersebut.
- 1.11. Format yang dibenarkan ialah **MP4 sahaja**, dengan resolusi minimum Full HD 1080p (1920 X 1080 piksel).
- 1.12. Projek yang didapati melanggar mana-mana syarat di atas akan dibatalkan penyertaan dan pihak urus setia berhak menarik balik sebarang anugerah yang telah diberikan.

2. LANGKAH-LANGKAH PENYERTAAN

- 2.1. Penyertaan Pertandingan Projek QA bagi Kategori Video Pendek dibuka mulai **4 Mei 2026**.
- 2.2. Tarikh tutup penyertaan adalah pada **30 Jun 2026**.
- 2.3. Pendaftaran hendaklah dibuat melalui laman sesawang rasmi Konvensyen QA Kebangsaan Kali Ke-13, 2026 di pautan berikut: <https://qaconvention.nih.gov.my>
- 2.4. Hanya Ketua Kumpulan perlu membuat pendaftaran bagi pihak kumpulan.
- 2.5. Ketua Kumpulan hendaklah memuat turun Borang Persetujuan (Lampiran A) dan memuat naik semula borang yang telah lengkap diisi semasa proses pendaftaran.
- 2.6. Fail video dalam format MP4 hendaklah dimuat naik ke platform berasaskan awan (contohnya *Google Drive*) dan boleh diakses serta dimuat turun oleh urus setia. Pautan video tersebut hendaklah dikemukakan semasa pendaftaran.
- 2.7. Pendaftaran hanya dianggap lengkap apabila Ketua Kumpulan telah menghantar Borang Persetujuan (Lampiran A) yang lengkap berserta pautan video.
- 2.8. Sekiranya menghantar lebih daripada satu penyertaan, setiap video yang dihantar hendaklah didaftarkan secara berasingan mengikut tatacara yang ditetapkan dalam perkara 2.3 hingga 2.7.
- 2.9. Penyertaan yang diterima selepas **30 Jun 2026** tidak akan dipertimbangkan dan akan dianggap terbatal.

3. SARINGAN DAN PENGHAKIMAN VIDEO

- 3.1. Semua video yang mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan dan lulus peringkat saringan adalah layak untuk dipertandingkan.
- 3.2. Video yang terpilih untuk dipertandingkan akan dimaklumkan melalui laman sesawang rasmi konvensyen.

3.3. Proses penghakiman video akan dijalankan sebelum konvensyen berlangsung.

3.4. Penjurian dilaksanakan sepenuhnya oleh panel hakim yang telah dilantik.

3.5. Komponen yang akan dinilai termasuk:

Komponen	Markah
Komponen QA/QI	40
Kreativiti	10
Jalan Cerita	10
Imej yang jelas dan mudah difahami	10
Transisi antara isi penting	10
Kesesuaian audio	10
<i>Motion effect</i>	10
Markah Penuh	100

4. KEPUTUSAN PERTANDINGAN

4.1. Keputusan pertandingan adalah muktamad. Sebarang rayuan atau bantahan tidak akan dilayan.

4.2. Keputusan pertandingan akan diumumkan pada Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah Konvensyen QA 2026.

4.3. Surat jemputan untuk menghadiri Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah Konvensyen QA 2026 hanya akan dikeluarkan kepada pemenang tempat pertama, kedua dan ketiga. Kehadiran peserta lain adalah tidak diwajibkan.

4.4. Sijil penyertaan akan diberikan kepada semua projek yang terpilih untuk bertanding.

5. HAK MILIK BAHAN


5.1. Dengan menghantar penyertaan dalam konvensyen ini, peserta dianggap telah bersetuju dengan terma-terma berikut:

- Semua video yang dihantar untuk penyertaan akan menjadi hak milik pihak penganjur;
- Pihak penganjur berhak untuk menerbitkan, memaparkan, mengedar, menyunting, menayangkan atau menggunakan mana-mana hasil karya penyertaan bagi tujuan promosi, dokumentasi, pendidikan atau tujuan lain yang bersesuaian;
- Video yang telah dihantar tidak boleh dimuat naik atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada pihak penganjur; dan
- Sebarang penggunaan video oleh pihak penganjur akan diberikan kredit kepada pemilik karya.

6. PERTANYAAN LANJUT

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi pihak penganjur melalui e-mel ataupun nombor telefon:

Dr. Ainunnadiah Binti Darus
(qasecretariat@moh.gov.my)
Tel: 03-3362 7500 (samb. 8533)



**Tarikh tertakluk kepada perubahan.*

Rajah 1: Carta Alir Pertandingan Projek QA Kategori Video Seminit sempena Konvensyen QA Kebangsaan Kali Ke-13, 2026

